

Yang Berbakat dan Kreatif

Satu peristiwa yang kekal dalam ingatan ialah ketika negara menjadi tuan rumah Persidangan CHOGM pada tahun 1989. Negara telah mengendalikan program sambutan yang istimewa untuk Ketua-ketua Negara Commonwealth dan untuk isteri masing-masing. Segala-segalanya dijalankan dengan cemerlang, dengan Perdana Menteri sendiri menerajui semua perancangan dan perbincangan. Datin Seri Dr. Siti Hasmah pula terlibat dalam program untuk para isteri. Ketua Satu PERTIWI dilantik menjadi pengerusi Jawatankuasa untuk program bagi isteri-isteri.

Salah satu acara yang disediakan sebagai hiburan ialah konsert kanak-kanak Malaysia sebagai persembahan kepada para isteri ketua negara. Dalam konsert ini kanak-kanak PERTIWI turut mengambil bahagian. Konsert itu begitu berwarna-warni, mantap, berdigniti dan ada daya hiburan yang tinggi. Semua yang menontonnya tertambat hati dengan persembahan istimewa dan berkualiti tinggi itu. Selepas persembahan itu pihak Persatuan United Nations Malaysia mengundang kumpulan itu membuat persembahan bagi Hari Bangsa-Bangsa Bersatu.